

Pantau TUMBUHAN BERISIKO



Mutakhir ini banyak isu tumbuhan "rumpai miang Mexico" atau nama saintifiknya, *parthenium hysterophorus* yang dikatakan boleh membawa kesan buruk

terhadap kesihatan manusia, menjadi perbualan hangat. Terdapat media tempatan yang melaporkan kejadian alahan teruk yang berlaku pada kulit dan gejala gangguan pada sistem pernafasan dalam kalangan pekerja ladang kelapa sawit di Sidam, Kulim, Kedah, akibat alahan yang berpunca daripada tumbuhan itu.

MUZAFFAR SYAH MALLOW



PERKARA tersebut juga disahkan oleh Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, yang mendakwa rumpai tersebut dapat menyebabkan ruam kulit, kulit mengelupas, gatal-gatal pada kulit, mata bengkak, selain gangguan terhadap sistem pernafasan, seperti selesema dan asma kepada manusia, serta dapat merosakkan ekosistem alam sekitar negara ini.

"Rumpai miang Mexico" merupakan sejenis tumbuhan liar yang dikatakan berasal dari beberapa buah negara di Amerika Selatan dan Amerika Utara, sebelum tersebar ke negara di Asia, Afrika dan Australia. Menurut pakar perubatan, bahan kimia pada rumpai tersebut terdapat pada debunga, bahagian akar, daun dan batang, yang dapat memberikan kesan yang serius terhadap kesihatan.

Oleh hal yang demikian, tindakan awal perlu diambil oleh pihak yang bertanggungjawab, melalui aspek pengawalan serta pencegahan mengenai isu yang berkaitan dengan tumbuhan yang berisiko tinggi, serta yang boleh memudaratkan kesihatan orang awam,

dengan kadar yang segera. Pihak terbahit boleh menjalankan pemantauan dengan lebih serius mengenai tumbuhan yang ada di dalam negara, terutamanya tumbuhan yang dapat dikategorikan sebagai tumbuhan bukan asal yang terdapat dalam negara ini. Kerja pemantauan ini dapat dilaksanakan melalui kerjasama erat antara beberapa buah Kementerian yang berkaitan, seperti Kementerian Kesihatan serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian, yang wajib menyiasat setiap kes yang dilaporkan dan memaklukkannya kepada orang ramai supaya aspek pencegahan dapat diambil bagi mengelakkan diri daripada menyentuh atau mengambil tumbuhan terbahit.

Pada masa yang sama, pihak yang berkaitan juga boleh menguatkuasakan

segala peruntukan undang-undang sedia ada untuk melarang mana-mana individu untuk memiliki mahupun mengimport tumbuhan berbahaya atau yang terlarang seperti yang termaktub di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167). Seksyen 14 Akta 167 terbahit jelas memperuntukkan bahawa tiada seorang pun, kecuali pengarah, boleh mengimport sesuatu tumbuhan berbahaya; dan memiliki atau menyimpan sesuatu tumbuhan berbahaya atau membenarkan tumbuhan berbahaya tumbuh pada atau di atas mana-mana tanah. Seseorang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan seksyen 14 adalah bersalah kerana suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM10 ribu.

Akta 167 terbahit juga memperuntukkan kewajipan kepada individu untuk memusnahkan tumbuhan-tumbuhan yang didapati berbahaya. Seksyen 15 akta terbahit menyatakan bahawa jika sesuatu tumbuhan berbahaya hidup pada atau di atas mana-mana tanah, berlangganan dengan seksyen 14, "penduduk" tanah itu hendaklah dengan segera yang boleh, supaya tumbuhan berbahaya itu dimusnahkan sama sekali dan sepenuhnya dengan membakarnya atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai pemeriksa atau pengarah.

Semua pihak hendaklah memainkan peranan masing-masing serta saling bekerjasama dengan memastikan negara ini tidak menjadi tempat pembiakan tumbuh-tumbuhan berbahaya serta hendaklah mendapatkan rawatan kesihatan di klinik ataupun hospital yang berdekatan dengan kadar segera jika didapati sesuatu kelainan berlaku pada diri mereka selepas menyentuh atau menggunakan sesuatu jenis tumbuhan.